



SEBAHAGIAN daripada pelajar mendengar taklimat Bengkel Wartawan Muda anjuran bersama USIM dan Kumpulan Utusan di Pusat Sukan USIM, Seremban, baru-baru ini.

Bakal wartawan muda USIM mahukan kesegaran dalam pemberitaan

SEREMBAN 10 Dis. - Bakal wartawan muda mahu melihat penulisan gaya baharu yang lebih segar daripada pengamal media di negara ini.

Ini kerana pemakaian kaedah laporan pemberitaan cara konvensional yang panjang dan meleret, tidak lagi dapat menangkap minat membaca dalam kalangan generasi muda yang sememangnya mengejar kecepatan waktu.

Seorang pelajar Fakulti Pengajian Bahasa Utama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini, **Hasnul Naqib Osman**, 22, berkata, masyarakat kini lebih berminat dengan penulisan ringkas dan mudah difahami, terutama yang terdapat dalam portal berita berbanding surat khabar.

"Generasi muda akan mendapatkan maklumat berita melalui portal berita kerana lebih mudah, menjimatkan masa dan senang diterima. Jika ada isu yang lebih besar, banyak blogger yang melaporkannya. Begitu juga melalui YouTube," katanya ketika ditemui dalam Bengkel Wartawan Muda di USIM.

Bengkel ini adalah anjuran bersama Kumpulan Utusan yang berlangsung di Pusat Sukan USIM dekat sini.

Yang turut menyampaikan ce-



HASNUL NAQIB



MUHAMMAD

ramah ialah Ketua Biro Utusan Negeri Sembilan, Ainol Amriz Ismail; Penolong Ketua Biro Negeri Sembilan, Muhammad Rais Yeop Johari dan Penolong Pengarang Majalah *Mastika*, Sahidan Jaafar.

Sementara itu, rakannya, **Muhammad Ulii Albab**, 22, yang mengambil jurusan Komunikasi Bahasa Arab berkata, sudah sampai masanya akhbar berbahasa Melayu mengubah konsep penulisan untuk menarik minat masyarakat membacanya.

"Bagi saya sendiri yang mengikuti pembelajaran Bahasa Arab menginginkan akhbar berbahasa Melayu yang menyelitkan berita dalam bahasa Arab," katanya.

Sementara itu, pelajar Komunikasi Massa, **Noor Zurreyatina Abdul**

Rahman, 23, memberitahu, pengamal media perlu ada teknik penulisan baharu dan menarik agar masyarakat tidak tertumpu dengan penyebaran maklumat di internet yang belum tentu sahih.

"Kita sedia maklum bahawa pemberitaan yang cepat tersebar, khususnya di laman sosial adalah sesuatu isu yang baharu ter-

jadi dan berlaku di mana-mana. Jadi mereka tidak akan berminat untuk membeli akhbar keesokan harinya kerana sudah mengetahuinya di dalam laman itu," katanya.

"Oleh yang demikian, seharusnya pihak pengamal media mengambil langkah proaktif bagi menyegarkan cara pemberitaan agar menjadi tempat rujukan orang ramai yang ingin mengetahui isu-isu semasa di negara ini," katanya.

Dalam program itu, seramai 60 pelajar, khususnya Fakulti Pengajian Bahasa Utama dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM mendapat manfaat dalam selok-belok penulisan berkesan serta diberi pendedahan kerjaya dunia sebenar kewartawanan.